

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : HARIAN METRO
TARIKH / HARI : 14 OKTOBER 2016 (JUMAAT)

6,000 terima plastik pengasingan sisa

*Har
m/uhus*

Shah Alam: Sebanyak 6,000 unit kediaman di enam lokasi diberikan plastik pengasingan sisa bagi mengasingkan sampah untuk dikitar semula.

Datuk Bandar Shah Alam Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, program pengagihan itu membabitkan Seksyen 8, 19, 24, 31, U5 dan U20 bagi mencapai matlamat ke arah bandar raya sifar sampah.

"Pemilihan enam lokasi ini berdasarkan kapasiti sampah yang banyak berbanding kawasan pentadbiran MBSA.

"Setiap lokasi terpilih diberikan plastik pengasingan bagi mengasingkan kertas, aluminium, tin dan plastik bagi memudahkan MBSA menjalankan pembersihan di kediaman sekali seminggu," katanya ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Program Pengasingan Sampah Fasa ke-2, di sini, baru-baru ini.

Ahmad Zaharin berkata, inisiatif berkenaan dibuat selepas mendapat sambutan menggalakkan pada program rintis Oktober tahun lalu yang membabitkan 1,849



AHMAD Zaharin (tengah) menunjukkan tong sampah untuk pengasingan sisa selepas merasmikan Program Pengasingan Sampah dan Edaran Tong Sampah Fasa Ke-2 di Shah Alam.

unit kediaman. "Pelaksanaan ini menyaksikan penjimatan ke atas kos pelupusan sampah sebanyak

lima peratus sekali gus ia menjadikan nilai penjimatan kos pelupusan RM7,015.

"Kami komited untuk me-

ningkatkan kadar peratus kitar semula bagi mencapai bandar raya rendah karbon menjelang 2030," katanya.